



SIARAN MEDIA

MENGUTUK PERASMIAN LALUAN IBADAH 'PILGRIMAGE ROAD' OLEH AMERIKA SYARIKAT DAN ISRAEL.

1. Yayasan MyAQSA (MyAQSA) ingin menyatakan rasa amat kesal, marah dan mengecam dengan sekeras-kerasnya peristiwa perasmian laluan ibadah "pilgrimage road" oleh Rejim Haram Israel di kejiranan Silwan, Baitulmaqdis Timur.
2. Perasmian itu telah dilakukan secara bersama oleh David Friedman, Duta Amerika Syarikat dan Jason Greenblatt wakil Khas Konvoi Keamanan Amerika Syarikat di Timur Tengah yang turut dihadiri oleh isteri Perdana Menteri rejim haram Israel, Sara Netanyahu.
3. Peristiwa ini jelas menunjukkan pelanggaran dan pencabulan oleh kerajaan Amerika Syarikat dan rejim haram Israel ke atas undang-undang antarabangsa, peraturan dan resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta UNESCO. Ini adalah satu lagi siri "Jenayah Perang" yang dilakukan oleh rejim haram Israel ke atas negara Palestin dan rakyatnya.
4. Peristiwa ini menunjukkan Amerika Syarikat secara jelas bersekongkol dengan gerakan puak-puak pelampau yahudi, yang mahu merampas kawasan Palestin dan Masjidil Aqsa secara haram.
5. Ini jelas menunjukkan kerajaan pimpinan Donald Trump bersama dengan Rejim Haram Israel secara rasmi melakukan pembohongan, pemalsuan sejarah dan penyelewengan fakta-fakta kenegaraan iaitu proses "Pengyahudian Baitulmaqdis" (Judaization of Jerusalem).
6. Pembinaan laluan ibadah Israel (Pilgrimage Road) dan terowong haram ini juga secara langsung menjadi ancaman besar yang boleh membawa kepada keruntuhan sebahagian struktur Masjidil Aqsa.

7. MyAQSA menyeru kepada seluruh masyarakat dunia tanpa mengira batasan agama, bangsa dan negara supaya bersatu serta sama-sama menyuarakan bantahan dan kecaman, kerana pencabulan ini sekiranya tidak disekat, akan membawa kepada perampasan Masjidil Aqsa secara total bersama dengan keruntuhannya.

8. Sesungguhnya memelihara dan menjaga kesucian Masjidil Aqsa adalah sebahagian daripada aqidah bagi seorang mukmin. Menghalang kezaliman Amerika Syarikat dan Rejim Haram Israel daripada mencabul hak-hak rakyat Palestin serta keamanan merupakan tugas setiap manusia yang bertamadun di dunia ini. Tindakan hitam Israel-Amerika ini hakikatnya satu batu uji terhadap komitmen masyarakat antarabangsa terhadap keadilan dan kedaulatan undang-undang dunia. Rejim Haram Israel dan Amerika tidak akan berhenti setakat Pilgrimage Road ini malahan mereka akan meneruskan kezaliman ini di seluruh dunia. Memelihara Kemanusiaan adalah perjuangan memelihara keadilan dan keamanan sejagat. Berdiam diri adalah satu jenayah terhadap kemanusiaan!

DR. HJ. NOORAZMAN BIN MOHD SAMSUDDIN

Ketua Pegawai Eksekutif

Yayasan MyAQSA

2 Julai 2019

Hotline : 1-300-88-AQSA (2772) / +603-88936727

Laman Sesawang : www.myaqsa.my

Facebook : MyAQSA

Twitter : @MyAQSA_Official

****TAMAT****